

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR**  
**KAWASAN : TUMPAT**  
**TARIKH : 8 OGOS 2017**  
**NO. SOALAN : 69**

**YB Dato' Kamarudin Bin Jaffar** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah pengajaran-pengajaran yang diperoleh daripada tindakan Amerika Syarikat keluar daripada TPPA dan United Kingdom keluar daripada 'European Community' (Kesatuan Eropah).

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

1. Kebelakangan ini, negara menyaksikan pelbagai kemelut ekonomi dunia dan cabaran akibat dasar-dasar ekonomi yang tidak menentu oleh beberapa buah negara membangun seperti tindakan Amerika Syarikat (A.S.) untuk menarik diri dari Perjanjian Perkongsian Trans Pasifik (TPPA) dan keputusan United Kingdom (U.K.) untuk keluar dari Kesatuan Eropah (European Union - E.U.)

atau lebih dikenali sebagai Brexit. Ramai yang telah mengutarakan rasa kluatir terhadap ketidaktentuan dasar ekonomi negara-negara rakan dagang seumpama ini yang dianggap akan menjejaskan hubungan ekonomi serta prestasi perdagangan dan pelaburan Malaysia.

2. Peralihan hala tuju dasar A.S. dan U.K. sebenarnya akan memberi lebih tumpuan kepada hubungan ekonomi dua hala. Perubahan ini akan mengeratkan lagi hubungan perdagangan dan pelaburan antara Malaysia dengan A.S. dan Malaysia dengan U.K. Peluang-peluang baru juga akan terbuka berikutan pengukuhan hubungan ekonomi melalui platform dua hala ini.
3. Kerajaan Malaysia sememangnya sejak dahulu lagi mengamalkan dasar ekonomi terbuka yang mengurangkan kebergantungan negara terhadap sesebuah pasaran sahaja. Langkah-langkah untuk mempelbagaikan tumpuan pasaran bukan sahaja membolehkan jalinan hubungan ekonomi yang bebas, malah dapat mengurangkan impak terhadap ketidaktentuan dasar-dasar ekonomi negara luar.
4. Antara usaha dasar terbuka ekonomi yang diambil oleh kerajaan Malaysia termasuk menjalin perjanjian perdagangan bebas (dengan izin Free Trade Agreements atau FTA) di peringkat dua hala, pelbagai hala dan serantau. Di samping itu, Malaysia juga menggiatkan promosi perdagangan dan pelaburan dengan negara-negara dunia termasuk di rantau Asia, Amerika, Eropah dan Timur Tengah.

Tuan Yang DiPertua,

5. Saya ingin memaklumkan bahawa pada masa ini, Malaysia melalui ASEAN sedang terlibat dalam rundingan Perjanjian Kerjasama Komprehensif Ekonomi Serantau (Regional Comprehensive Economic Partnership – RCEP). RCEP dianggotai oleh 15 buah negara lain, termasuk 6 buah negara anggota TPPA. Tumpuan Malaysia adalah untuk memuktamadkan rundingan RCEP menjelang penghujung tahun ini.
6. Selain itu, Malaysia juga akan meneruskan rundingan FTA dengan Kesatuan Eropah (Malaysia-EU FTA); dengan European Free Trade Association FTA yang meliputi negara-negara Iceland, Liechtenstein, Norway dan Switzerland, serta ASEAN-Hong Kong FTA.
7. Malaysia juga akan berusaha membuka landasan untuk mengukuhkan jalinan perdagangan dan pelaburan dengan negara-negara lain dan mempertimbangkan FTA dua hala dengan negara-negara seperti Kanada, Mexico, Peru, Iran dan Sri Lanka.
8. Baru-baru ini, Malaysia dan A.S. telah berbincang untuk meninjau peluang bagi mengaktifkan semula Perjanjian Rangka Kerja Perdagangan dan Pelaburan (Trade and Investment Facilitation Agreement - TIFA) yang telah ditandatangani pada Mei 2004. Platform TIFA ini akan digunakan untuk membincangkan isu-isu ekonomi dua hala dan cadangan penyelesaian yang dapat dimanfaatkan oleh kedua-dua negara.

9. Dalam hal U.K. pula, kami sedang membincangkan kaedah untuk meningkatkan hubungan perdagangan dan pelaburan dalam masa terdekat, selain FTA yang akan mengambil masa yang lama untuk dirunding. Bagi tujuan ini, kedua-dua negara akan mengenalpasti sektor-sektor yang mempunyai potensi tinggi untuk mewujudkan usaha sama strategik bagi faedah bersama.

Tuan Yang DiPertua,

10. Saya ingin memberi penekanan di sini bahawa perubahan dasar-dasar oleh segelintir negara dunia akan memberi impak yang minimum kepada aktiviti ekonomi Malaysia. Ini adalah kerana kita sememangnya mengamalkan dasar ekonomi bebas dan mengelakkan kebergantungan kepada sesesuah negara sahaja.
11. Kerajaan Malaysia akan terus berjaga-jaga dan lincah, serta terus mengamalkan sifat beradaptasi dan inovasi untuk mempertahankan ekonomi negara agar sentiasa berkembang maju walaupun berdepan dengan situasi luaran yang tidak menentu.